



11 FEB, 2023

600,000 telur ayam untuk Ramadan

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

600,000 telur ayam untuk Ramadan

Kuala Terengganu: FAMA Terengganu akan menambah bekalan telur ayam sebanyak 20,000 papan mengandungi 600,000 biji sepanjang Ramadan bulan depan.

Permintaan telur ayam dijangka meningkat sepanjang Ramadan ini berikutan ramai pengguna terutama peniaga menggunakanannya untuk menyediakan juadah berbuka puasa.

Pengarah FAMA negeri, Nukman Hashim, berkata perbincangan sudah dilakukan dengan

pengeluar telur ayam di Melaka untuk menambah bekalan sepanjang Ramadan.

"Perbincangan sudah dibuat untuk menambah bekalan daripada 3,000 papan mengandungi 90,000 biji seminggu kepada 5,000 papan mengandungi 150,000 biji seminggu sepanjang Ramadan.

"Pengedaran akan dibuat di Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), Agrobazaar Rakyat (ABR) dan usahawan pasar tani," katanya selepas membuat tinjauan di Pasar

Tani Chendering, semalam.

Nukman berpuas hati apabila usahawan pasar tani menurunkan harga jualan pelbagai jenis barang, termasuk ikan dan sayur antara RM2 dan RM5.

Mengulas lanjut, Nukman berkata, sejak berlaku krisis bekalan telur ayam Disember lalu, FAMA sudah mengedarkan kira-kira 340,000 biji ke AKR dan ABR seluruh negeri.

Pertimbang cadangan peniaga

Dalam perkembangan berkaitan, Nukman berkata, pihaknya akan mempertimbangkan cadangan peniaga tani untuk diberi bekalan telur untuk diedarkan.

Bagaimanapun, katanya, FAMA akan membantu usahawan pasar tani untuk mendapatkan bekalan telur ayam daripada pemborong untuk dijual di pasar tani di seluruh negeri.

Namun demikian usahawan pasar tani diminta menjual harga telur ayam seperti ditetapkan kerajaan iaitu RM13.50 bagi gred A, RM12.90 (gred B) dan RM12.30 gred C.



FAMA negeri akan menambah bekalan telur ayam daripada 360,000 biji sebulan kepada 600,000 sepanjang Ramadan akan datang.

(Foto Baharom Bakar/BH)



11 FEB, 2023

600,000 telur ayam untuk Ramadan

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Terengganu: FAMA Terengganu akan menambah bekalan telur ayam sebanyak 20,000 papan mengandungi 600,000 biji sepanjang Ramadan bulan depan. Permintaan telur ayam dijangka meningkat sepanjang Ramadan ini berikutan ramai pengguna terutama peniaga menggunakan menyediakan juadah berbuka puasa. Pengarah FAMA negeri, Nukman Hashim, berkata perbincangan sudah dilakukan dengan

pengeluar telur ayam di Melaka untuk menambah bekalan sepanjang Ramadan.